

Kata-Kata Etnik sebagai Identiti Penutur Dialek Melayu Sabah

Ethnic Words as the Identity of Sabah Malay Dialect Speakers

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI & ALICE ALIM

ABSTRAK

Facebook merupakan suatu medium media yang menyediakan ruang untuk penggunanya berkomunikasi dalam pelbagai bahasa. Situasi itu dibantu oleh kepelbagaian kaum di Malaysia yang turut menjadi penggunanya dan mereka menggunakan pelbagai ragam bahasa sama ada yang bersifat formal atau sebaliknya. Salah satu laman dalam Facebook yang mendapat perhatian pengguna di Sabah adalah laman Facebook Cerita Seram Urang Kita Sabahan (CSUKS). Dengan pengikut seramai 381,453 orang, maka laman ini menyediakan ruang untuk dialek Melayu Sabah (DMS) berkembang dalam konteks pengguna dan penutur DMS. Dengan menggunakan kaedah deskriptif kualitatif, maka makalah ini diusahakan untuk melihat kata-kata etnik yang dipilih oleh penutur DMS semasa berkomunikasi melalui laman berkenaan. Kata-kata etnik itu juga menyembunyikan elemen nilai rasa dan emosi budaya Sabah yang hanya difahami baik oleh penutur DMS. Selain itu, turut difokuskan juga fungsi-fungsi komunikatif yang didukung oleh kata-kata-etnik berkenaan. Hasil analisis 16 cerita dalam laman berkenaan, terdapat 20 kata-kata etnik yang mengandungi elemen budaya serta mampu mencerminkan identiti penutur DMS. Laman berkenaan juga berupaya menjadi satu platform untuk menyebarkan dan mengembangkan kata-kata etnik yang digunakan oleh penutur-penutur DMS. Memandangkan ruangan laman Facebook CSUKS itu dimiliki sepenuhnya oleh penutur DMS, maka ia menjadi ruangan untuk memperkenalkan fungsi komunikasi penutur bahasa-bahasa etnik yang terdapat di Sabah.

Kata kunci: Dialek Melayu Sabah; kata-kata; identiti penutur; fungsi komunikatif; proses interaksi; Facebook

ABSTRACT

Facebook is a platform that allows people to communicate in different languages. It is fuelled by the range of people who use Facebook in Malaysia, who speak a variety of languages, both formal and informal. The Cerita Seram Urang Kita Sabahan (CSUKS) page on Facebook is one of the most popular among Sabah Facebook users. The page, which has 381,453 followers, has created a space for the Sabah Malay dialect (SMD) to grow in the context of its speakers. This article uses qualitative description approaches to investigate the ethnic vocabulary used by SMD users when conversing on the page. The ethnic lexicon also includes parts of Sabah's cultural norms of politeness and emotion, which SMD speakers are familiar with. It also focuses on communicative functions that are supported by the ethnic group's language. There are 20 ethnic vocabulary items that incorporate cultural characteristics and express the identity of SMD speakers, according to the analysis of the 16 stories on the page. The study concludes that the page also acts as a place for SMD users to share their ethnic vocabulary with other Malaysian Facebook users. Because the CSUKS Facebook page is entirely owned by SMD users, it can be used to introduce ethnic language communicative functions in Sabah.

Keywords: Sabah Malay dialect; vocabulary; speaker identity; communicative functions; interaction process; Facebook

PENGENALAN

Multilingualisme sering dikaitkan dengan keupayaan seseorang penutur mengalihkan satu kod bahasa ke kod bahasa lain yang bersesuaian dengan konteks komunikasi dan peranan sosial penutur berkenaan dalam komunikasi berkenaan. Multilingualisme tidak dapat diasingkan daripada multikulturalisme. Justeru, penguasaan bahasa seseorang itu perlu pada tahap tinggi untuk satu

bahasa A, dan menguasai juga bahasa-bahasa lain pada tahap sederhana atau terbatas pada bahasa B atau C. Selain itu, seseorang penutur juga perlu mampu menggunakan bahasa-bahasa berkenaan bersesuaian dengan situasi dan konteks bahasa itu digunakan, maka barulah ia digelar sebagai penutur multibahasa. Berasaskan konsep berkenaan, maka Sabah yang mempunyai masyarakat plural yang tinggi di Malaysia memperlihatkan penutur bahasa yang rencam. Kepelbagaian bahasa yang terdapat di

Sabah menjadikan negeri ini menarik dengan realiti kebahasaan dan budaya masyarakatnya. Di Sabah, medium komunikasi dan interaksi menggunakan dialek Melayu Sabah (DMS), yakni varian bahasa Melayu yang sedikit berbeza berbanding dialek-dialek Melayu lain di Malaysia kerana terdapat masukan-masukan kata yang banyak dipinjam daripada bahasa-bahasa etnik dan disesuaikan dengan konteks penggunaannya dalam masyarakat plural di Sabah. Kata-kata berkenaan diterima oleh para penutur DMS dan akhirnya membentuk varian dialek Melayu Sabah yang hanya difahami oleh orang-orang di Sabah sahaja. Sehubungan dengan itu, makalah ini diusahakan untuk memaparkan leksikal etnik yang digunakan oleh penutur DMS sebagai melambangkan identiti mereka.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian mengenai identiti dan bahasa tidak boleh dipisahkan kerana dengan bahasa, kita boleh mengenal pasti identiti seseorang penutur. Dengan bahasa juga, aspek lain seperti asal seseorang, siapa yang menuturkannya, dengan siapakah mereka bertutur, dari kelompok mana mereka datang dan sebagainya boleh diketahui. Gumperz (1982) mengatakan bahawa komunikasi tidak boleh dikaji secara berasingan, sebaliknya ia perlu dikaji bersama dengan latar kehidupan penutur. Oleh itu, perasaan positif terhadap bahasa sendiri biasanya lahir daripada peranan yang dimainkan oleh bahasa sebagai penanda identiti yang ditentukan oleh penutur bahasa itu (Saville-Troike 1991). Sehubungan dengan itu, identiti mampu diterokai melalui dimensi linguistik menerusi bahasa yang dituturkan (Wodak et al. 2009; Norton 2000; Omoniyi 2008; Pavlenko & Blackledge 2004). Jelas dipaparkan bahawa bahasa merupakan faktor penting sebagai lambang identiti dalam sesebuah masyarakat. Bahasa menjadi 'lencana' identifikasi untuk mempersepsi diri dan ahli kumpulan (Saville-Troike 1991).

Di Malaysia, terdapat kajian-kajian mengenai bahasa dan identiti antaranya oleh (Wan Robiah 2004; Rosniah Mustaffa, Idris Aman & Jamilah Mustafa 2009; Idris & Rosniah 2013; Idris 2011), tetapi pengkaji-pengkaji ini lebih menumpukan pengkajian terhadap dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, yang bersifat kajian sosiolinguistik kuantitatif dan bukannya kaedah kualitatif. Agak kurang kajian mengenai identiti penutur bahasa di Sabah. Meskipun

demikian, masih boleh dibaca hasil tulisan (Jane Wong Kon Ling 2000; Saidatul Nornis 2012, 2020; Noor Aina & Syeril Patrisia 2016; Kartini 2018) yang memerihal mengenai varian Melayu yang digunakan oleh penutur-penutur bahasa di Sabah sebagai bahasa intra etnik. Kekurangan tulisan dan kajian yang memperlihatkan identiti serta aspek komunikatif DMS menyebabkan varian Melayu ini kurang dikenali dalam kalangan penutur luas di Malaysia. Meskipun terdapat entri dialek Melayu Sabah dalam *Kamus Dewan*, namun ia kekal tidak digunakan secara meluas kerana konteks penggunaannya kurang difahami oleh penutur dialek-dialek Melayu lain di Malaysia.

Seiringan dengan itu, penggunaan DMS dalam media sosial juga kurang mendapat perhatian daripada kelompok penutur dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada kurangnya kefahaman mereka terhadap DMS yang mengandungi masukan kata-kata etnik yang agak tinggi, selain kata-kata yang mempunyai elemen budaya Sabah menyebabkan hanya penutur DMS sahaja yang mampu memahami komunikasi dalam media sosial berkenaan. Media yang dimaksudkan adalah *Facebook*.

Justeru, tulisan ini diusahakan untuk memaparkan kata-kata etnik yang digunakan oleh penutur dialek Melayu Sabah yang bertindak sebagai penanda identiti. Kesemua kata-kata berkenaan digunakan dalam laman yang hanya dianggotai oleh orang-orang Sabah sahaja.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa bahan literatur yang berkait dengan identiti penutur bahasa di Malaysia antaranya hasil tulisan Mashetoh Abd. Mutalib (2018) di mana beliau telah berkongsi hasil penelitian tentang identiti penutur melalui bahasa yang digunakan. Perkara yang dirujuk dalam tulisannya adalah identiti penutur remaja khusus semasa menggunakan aksen bukan standard dalam pertuturan lisan bahasa Melayu berdasarkan perspektif jantina. Kajian ini telah dilaksanakan di Kedah dan didapati informan perempuan lebih menonjol dalam pengekaln identiti berbanding dengan remaja lelaki yang lebih menonjol ke arah aksen standard. Golongan remaja yang dikaji masih mempertahankan aksen bukan standard tempatan untuk dialek Kedah. Aksan tersebut menunjukkan bahawa mereka tegar menggunakan dialek kenegerian bagi menunjukkan identiti dan jati diri tempatan.

Identiti seseorang penutur juga mampu dikesan melalui platform media sosial. Media sosial secara tidak langsung turut menyebarkan penggunaan sesebuah bahasa. Terdapat varian bahasa yang menonjol digunakan dalam media sosial seperti *Facebook*. Melalui konteks itu, Kartini Wahab (2018) telah meneliti identiti penutur bahasa Melayu Sabah melalui media sosial *Facebook* “ni kali lah”. Penelitian berkenaan meneroka ciri dan fungsi komunikatif bahasa Melayu Sabah dalam aktiviti komunikasi *Facebook*. Media berkenaan didapati memaparkan ciri-ciri khusus dari Sabah yang menunjukkan masukan unsur bahasa Dusun dan bahasa Serantau. Media *Facebook* “ni kali lah” didapati menjalankan fungsi komunikatif instrumental, informatif, peribadi, regulatori, heuristik dan fungsi imaginatif selain memperlihatkan bahasa Melayu Sabah sebagai medium komunikasi penting pengguna *Facebook* “ni kali lah”. Selain itu, diperlihatkan juga yang laman “ni kali lah” itu mencerminkan latar penggunanya yang pelbagai menyebabkan varian bahasa Melayu Sabah itu jelas dapat ditonjolkan.

Selain itu, didapati penggunaan kata ganti nama diri turut mendapat perhatian para pengkaji khusus yang digunakan dalam media sosial khususnya melalui aplikasi *WhatsApp*. Dalam konteks ini, kata ganti nama diri berkenaan dirujuk kepada kata yang digunakan dalam komunikasi untuk menggantikan nama orang yang melibatkan penutur, pendengar dan sasaran. Kata ganti nama diri itu terdiri daripada (1) kata ganti nama diri orang pertama (saya, aku); (2) kata ganti nama diri orang kedua (awak, engkau); dan (3) kata ganti nama diri orang ketiga (mereka, ia). Didapati tiga bentuk kata ganti diri yang menjadi trend dalam aplikasi *WhatsApp*, iaitu (1) kata ganti nama diri singkatan; (2) kata ganti nama diri dialek; dan (3) kata ganti nama diri kontemporari yang melibatkan rakan sebaya dan berlaku dalam situasi tidak formal, penggunaan kata ganti nama diri dipengaruhi oleh faktor kemesraan dan kesesuaian. Kata ganti nama diri memberi petunjuk kepada status sosial, hubungan peribadi seperti hubungan kekerabatan dan sebagainya. Aplikasi *WhatsApp* yang muncul dan berkembang telah membawa kepada bentuk komunikasi baru dalam kalangan masyarakat bukan sahaja telah mengubah cara komunikasi itu berlaku. Namun, bahasa yang menjadi medium komunikasi juga tidak terlepas daripada kesan penggunaan teknologi. Penggunaan kata ganti nama diri dalam konteks kajian ini jelas

menunjukkan landskap baharu dalam penggunaan kata ganti nama (Maslida Yusof 2018).

Bagi generasi millennial ini, mereka gemar berkongsi maklumat menerusi laman internet. Hal ini merupakan manipulasi atas kewujudan pelbagai jenis media teknologi dan komunikasi yang secara tidak langsung memudahkan proses komunikasi serta capaian maklumat. Terdapat pelbagai fenomena yang boleh dikeluarkan daripada laman internet antaranya “Meme”. Ia merupakan satu aplikasi yang mampu memberikan maklumat kontroversi dari dalam ataupun luar negara. Namun dalam pada itu, “meme” turut menyelitkan unsur seloka dalam kandungannya. “Meme” juga dilihat sebagai medium yang berkesan untuk menyampaikan rasa ketidakpuasan hati seseorang terhadap sesuatu isu ataupun sesuatu perkara. Justeru, Faizul Nizar et al. (2018) telah meneliti “meme” sebagai platform untuk analisis wacana kritikal (*Critical Discourse Analysis*) yang ditumpukan kepada aspek impak dimensi sosiobudaya daripada seloka dan parodi daripada “meme”. Kewujudan media teknologi didapati banyak mempengaruhi penghasilan sesuatu “meme” dan keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong berlakunya perkongsian dan perdebatan melalui “meme”, malah ia turut mampu mendatangkan mudarat jika maklumat yang disebarkan tidak benar.

Satu kajian mengenai komunikasi antara budaya telah dilakukan oleh Ibrahim (2019) yang diusahakan untuk meneliti kecenderungan konteks budaya semasa berkomunikasi. Kajian dilaksanakan dalam kalangan pelajar di IAIN Pontianak, Indonesia. Didapati wujud tiga konteks budaya semasa komunikasi antara pelajar berkenaan. Tiga konteks budaya itu adalah (1) kecenderungan berkomunikasi konteks tinggi (*High Context Culture - HCC*); (2) bukan konteks rendah (*Low Context Culture - LCC*); dan (3) campuran antara (*High Context-Low Context - HCC dan LCC*) yang diteliti melalui konteks teman, persahabatan dan hubungan sosial. Selain itu, didapati wujud pertembungan antara konteks budaya komunikasi yang mendatangkan kekeliruan kerana daripada aspek gaya komunikasi ditonjolkan kecenderungan kepada konteks tinggi, namun daripada aspek sikap pula percanggahan berlaku kerana yang diperlihatkan adalah gaya budaya konteks rendah. Dirumuskan keseluruhannya bahawa komunikasi antara budaya dalam kajian ini mempunyai kecenderungan menggabungkan ketiga-tiga gaya berasas konteks komunikasi.

Syarizan et al. (2019) pula membincangkan tentang kecekapan komunikasi antara budaya dan pengalaman budaya para pelajar dalam konteks tiga pelajar pascasarjana dari tiga kampus universiti berbeza di utara Semenanjung Malaysia. Dua tema utama telah dikenal pasti dalam penelitian itu, yakni (1) mewujudkan hubungan; dan (2) membangunkan kemahiran berkomunikasi. Didapati bahawa kemahiran bahasa di tanggap sebagai faktor penting semasa proses berinteraksi antara pelajar tempatan dan rakan mereka yang mendorong kepada rumusan bahawa kecekapan kemahiran bahasa dan komunikasi berpotensi juga mengembangkan orientasi budaya.

Dalam konteks lain, Jamilah Maliki & Mohd Nor Shahizan Ali (2020) meneliti mengenai faktor pengetahuan yang mempengaruhi pengguna media sosial apabila mengkonstruksi identiti dalam talian. Didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengetahuan yang dimiliki oleh pengguna *Facebook* dengan konstruksi identiti dalam talian sama ada identiti unggul, sebenar, dan samaran. Aspek yang mendasari struktur pengetahuan telah dikenal pasti sebagai pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa, pengetahuan memuat naik, penapisan komen dan penulisan status merupakan aspek penting yang diambil kira apabila mengkonstruksi identiti dalam talian. Interaksi sosial di internet memberi ruang kepada individu mencipta sendiri dan memaparkan identiti mengikut acuan yang diinginkan dan dipaparkan kepada umum. Oleh yang demikian, dapat di rumus bahawa media sosial membolehkan individu mewujudkan identiti pilihan mereka. Individu bukan sekadar mengkonstruksi identiti di luar talian, malah boleh mengkonstruksi semula identiti secara dalam talian yang membenarkan individu berinteraksi dengan semua lapisan pengguna termasuk orang yang tidak dikenali.

Perbincangan mengenai identiti berlegar dalam pelbagai konteks perbincangan sama ada bersifat budaya, bahasa, mahupun dalam aspek komunikasi. Identiti terserlah dalam proses interaksi antara satu penutur dengan lawan tutur, malah pemaparan identiti turut bergantung kepada tahap pengetahuan penutur. Bahan-bahan literatur berkenaan memaparkan perbincangan identiti bahasa yang disampaikan dalam pelbagai konteks berbeza. Walau bagaimanapun, diskusi mengenai identiti penutur dialek Melayu Sabah kurang ditonjolkan khususnya

melalui aspek bahasa. Kekurangan sedemikian menyebabkan tidak ramai daripada kalangan kita yang benar-benar memahami kata-kata etnik yang terdapat dalam DMS sekali gus menjejaskan proses pemahaman sekiranya berinteraksi dengan penutur DMS. Justeru, dengan paparan 20 kata-kata etnik dalam perbincangan ini, diharap identiti DMS itu mampu diserlahkan dan difahami dengan baik.

METODOLOGI

Tulisan ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif yang memberi tumpuan kepada pemilihan kata DMS yang digunakan dalam laman *Facebook* Cerita Seram Urang Kita Sabahan (CSUKS). Kata-kata yang dipilih berlandaskan kesesuaian dan ketepatan makna yang didukung dalam teks cerita seram berkenaan kerana terdapat kata-kata piawai yang kurang berkesan penggunaannya dalam kalangan penutur DMS disebabkan kata-kata yang dipilih mengandungi unsur-unsur budaya masyarakat setempat.

Data kajian diambil daripada laman *Facebook* Cerita Seram Urang Kita Sabahan (CSUKS). Laman ini dicipta pada tahun 2016 dengan keahlian seramai 384,655 orang (sehingga setakat 28 Februari 2021). Laman berkenaan dijadikan platform untuk penulis-penulis muda Sabah berkarya serta mengembangkan bakat penulisan mereka. Memandangkan ahli-ahli kumpulan ini mempunyai latar belakang berbeza, maka mereka memilih dialek Melayu Sabah sebagai bahasa komunikasi dan interaksi. Apatah lagi sedia dimaklumi bahawa dialek Melayu Sabah merupakan *lingua franca* dalam kalangan penutur bahasa di Sabah. Selain itu, laman ini bertujuan untuk menghimpunkan karya-karya seram daripada hasil penulis-penulis Sabah. Terdapat banyak cerita seram dalam laman ini, namun hanya 16 cerita dipilih untuk dianalisis kerana ruangan makalah yang terbatas untuk memuatkan kesemua cerita dan 20 kata-kata etnik yang paling menonjol disenaraikan serta sering digunakan dalam kesemua cerita seram berkenaan. Kesemua cerita tidak mempunyai tajuk, sebaliknya cerita-cerita berkenaan diberikan penomboran. Memandangkan laman ini prolifrik sifatnya dan menggunakan sepenuhnya DMS sebagai medium komunikasi untuk berkarya, maka 20 kata-kata etnik yang dipilih itu mampu digambarkan secara jelas penggunaannya dalam cerita seram dan dijadikan sebagai data dalam perbincangan ini.

BAHASA DAN IDENTITI

Dalam masyarakat plural di Malaysia, identiti etnik merupakan suatu penanda sosial yang penting kepada seluruh anggotanya yang mampu mengangkat dan menyerlahkan identiti berkenaan. Identiti sosial sedemikian adalah sebahagian daripada konsep diri individu yang bersumberkan pengetahuan dalam kumpulannya (Tajfel 1978: 77-100). Antara penanda umum identiti etnik itu termasuklah bahasa, pakaian, makanan dan ciri-ciri fizikal, malah pengekal bahasa etnik itu mendorong kepada pemupukan identiti yang lebih positif (Mah 2005) selain penggunaan bahasa yang turut diperlihatkan sebagai penanda keahlian dalam sesebuah kumpulan etnik. Bahasa sebagai penanda etnik bergantung kepada tanggapan yang dipegang oleh penutur-penuturnya. Menurut Fishman (1997: 307-348), bahasa itu merupakan suatu dimensi yang integral sifatnya. Terdapat tiga dimensi etnik dengan fungsi berbeza melalui bahasa, iaitu (1) dimensi utama kepada rangkaian kebahasaan etnik (*paternity dimension of the language-ethnicity link*); (2) dimensi warisan (*patrimony dimension*), yakni perilaku bahasa dipelajari untuk menjelaskan keahlian dalam sesuatu kumpulan etnik; dan (3) perspektif fenomenologi (*phenomenological perspective*), yakni dijelaskan bahawa semua perkara boleh menjadi simbol atau tanda kepada etnik seperti bahasa, makanan, pakaian dan ciri-ciri fizikal (Fishman 1977). Dengan maksud lebih mudah, Fishman (1997) menegaskan perkara berikut:

Language is the recorder of paternity, the expresser of patrimony and the carrier of phenomenology. Any vehicle carrying such precious freight must come to be viewed as equally precious, as part of the freight, indeed, as precious in and of itself.

Bahasa yang dituturkan oleh seseorang dan identitinya sebagai penutur bahasa berkenaan tidak terpisah. Hubungan bahasa dan identiti adalah amat kukuh sehingga dengan satu fonem sekali pun kita boleh mengesan identiti seseorang dengan sesuatu kumpulan (Keller-Tabouret 1997). Dalam suasana Malaysia, ungkapan perilaku etnik telah dikaji sebagai proksi identiti. Justeru, penggunaan bahasa etnik yang luas sering dianggap sebagai salah satu paparan identiti yang kuat (Giles & Johnson 1981: 199-243; Campbell & Jiee 2010; Ting & Puh 2010). Sejak abad ke-14, penggunaan DMS sebagai medium komunikasi harian dalam kalangan penutur pelbagai etnik di Sabah mendatangkan ancaman kepada bahasa etnik/bahasa ibunda itu sendiri (Jane

Wong 2000). Penggunaan dan pilihan berbahasa di Sabah sangat menarik kerana fenomena ini dinamik dan terus berubah sejajar dengan keperluan dan penandaan identiti penutur-penutur bahasa di Sabah. Apatah lagi dalam konteks Sabah, asimilasi etnik hasil perkahwinan campur juga tinggi yang turut meninggalkan kesan terhadap pemilihan medium komunikasi dan interaksi harian (Teo 2003; Noriah & Omar 2010; Mohammad Azlan 2010; Chong Shin 2012).

Secara mikro, hubungan antara etnik yang harmoni mewujudkan titik sama yang membentuk jambatan dan tali pengikat hubungan antara kumpulan etnik pelbagai di Sabah, selain faktor disokong oleh DMS yang menjadi medium komunikasi intra dan inter etnik yang kuat sebagai suatu penanda kebersamaan. Kaedah paling mudah untuk mengurangkan salah faham komunikasi dalam kalangan penutur DMS adalah dengan menerapkan masukkan kata etnik ke dalam DMS yang dilakukan secara berperingkat sejak bertahun lamanya, yang akhirnya diterima sepenuhnya dan terpakai sehingga kini membentuk identiti DMS. Selain daripada penguasaan bahasa itu sendiri, penekanan kepada nilai budi bahasa yang diterap daripada budaya masyarakat tempatan ke dalam DMS menyebabkan penutur cenderung menjaga air muka pihak lain dengan cara merendah diri dan mengelak daripada memberi pandangan atau teguran secara langsung. Sejalan dengan itu, DMS itu secara tidak langsung bertindak sebagai penanda identiti khusus termasuk emosi, nilai dan budaya yang terkandung dalam setiap kata yang dipilih. Perkara sedemikian diiktiraf dan dirai dalam DMS yang membentuk warna-warni komunikasi di Sabah. Lebih daripada itu, tindakan memperakui kewujudan dan keunikan penutur DMS akan dapat memenuhi satu keperluan psikologikal penting ahli-ahli kumpulan etnik sebagai manusia (Taylor 1994: 25-74).

KATA-KATA DIALEK MELAYU SABAH

Kata-kata dapat dijelaskan dalam tiga perkara berikut (1) komponen bahasa yang menyimpan maklumat tentang makna dan penggunaan kata itu dalam bahasa; (2) jumlah kata yang dimiliki oleh seseorang penutur sesuatu bahasa; dan (3) sejumlah senarai kata yang telah disusun baik seperti daftar kata atau kamus dengan penerangan yang tepat dan praktikal digunakan dalam interaksi (Kridalaksana 2001). Pernyataan itu turut disokong oleh Abdul

Chaer (2007) yang memeri kata-kata itu sebagai berikut (1) leksikal yang terdapat dalam semua jenis bahasa; (2) kata-kata yang dikuasai oleh individu ataupun sekumpulan penutur bahasa; (3) kata-kata yang digunakan dalam sesuatu aktiviti atau wacana ilmu; (4) kamus; dan (5) kata-kata juga termasuk morfem dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kata-kata itu adalah sejumlah leksikal yang dikuasai, diketahui, serta difahami oleh penuturnya.

Setiap kata mempunyai ‘jiwa’ yang digerakkan berdasarkan cara kata itu digunakan, dimaksudkan dan isi kandungan konsep budaya yang terkandung dalamnya. Ia juga menjadi medium penyalur idea dalam sesebuah komunikasi. Oleh itu, pemilihan kata yang bersesuaian dengan perbualan itu perlu

dan sangat dipentingkan oleh para penuturnya. Berdasarkan analisis daripada teks 16 cerita seram dalam laman *Facebook* Cerita Seram Urang Kita Sabahan (CSUKS). Kesemua 16 cerita itu diberikan tanda secara penomboran dan 20 kata-kata yang mengandungi elemen nilai dan budaya penutur DMS telah diperoleh. Kata-kata etnik tersebut adalah seperti berikut – *Ginawo, Girigitan, Giuk, Godoot, Mandak (Sumandak), Matai, Moginum, Nokoloboi, Nokotigog, Odu, Olumis, Pisuk, Ponsikou, Rogon, Siou, Sulap, Tabasan, Tanakwagu, Tinahi, Tombiruo*. Kesemua kata itu digunakan secara merata dalam cerita-cerita berkenaan. Masukkan kata-kata etnik tersebut kemudiannya dipapar penggunaannya dalam ayat-ayat.

JADUAL 1. Kata-kata etnik dalam ayat-ayat DMS

Bil.	Perkataan Dialek Melayu Sabah (DMS)	Bahasa Melayu Standard (BMS)	Ayat dalam laman Facebook Cerita Seram Urang Kita Sabahan (CSUKS)
1.	Ginawo	Hati, perasaan	Ayat 1: Cerita 405 Tu bilik macam sajuk saja galap lagi tapi sia rasa oh mungkin pasal tu jendela tiada urang perna buka tiada cahaya matahari masuk tu la sajuk dalam hati saya la mo kasi sinang2 tu ginawo sendiri bah. Ayat 2: Cerita 159 Nokotigog juga la ginawo sy sikijap
2.	Girigitan	Geram	Ayat 1: Cerita 392 genggam tgn tu bdak n ckp “dont shout..cannot play here. Go to ur mom”... trus tu budak lari sbb sya mmg girigitan jg tu bdak terlmpau kana manja so faham2 sja la kamurang mcm mna tabiat anak klau mcm tu mmg xda mkn saman... Ayat 2: Cerita 392 So tau la kami punca kena kacau psal Nad buat hal dlm tu rmh agnes lgpun dia bilang pg paksa try buka tu tumbol pintu toilet dlm bilik agnes smpai bagagar lg tu pintu..btul2 tgn munyit ba ni kwn sya ni bkin girigitan btul.
3.	Giuk	Ulat	Ayat 1: Cerita 144 Sy nmpk si alex muntah2 ni, dei terkajut sy nmpk ahh banyak giuk yg dia muntah, trus perut sy macam sakit berabis, kaki sy berlubang, tangan sy banyak darah, muka sy macam kena cakar pedas 1 badan. Ayat 2: Cerita 147 “ iya kn..tp mcm lma sda gia tu bgkai tu..bau sda btl..begiuk lg..”
4.	Godoot	Kuat makan	Ayat 1: Cerita 162 Mami lino ambil tu ikan, stu2 dia bgi ikan sma tu biawak... godoot btul tu biawak mkn.. Ayat 2: Cerita 162 “ Godoot juga kau song bilang christie, bru dia keluar dri tu dapur.
5.	Mandak (Sumandak)	Panggilan bagi gadis muda	Ayat 1: Cerita 3 Pura2 sis sya tnya.. “Napa ko?..” Cepat2 c aunty Lily turun. “ Mandak , napa ko berdiri saja sana?”.. “Mari masuk..” Pnya lembut suara dia. Ayat 2: Cerita 19 “manada hantu oh mandak . ko ini...” bilang tu angkol sambil minum kopi dia. “sa cakap betul ni angkol sa.

bersambung ...

... sambungan

6.	Matai	Mati	<p>Ayat 1: Cerita 147 Tebulat mata sy..dei..matai ne tii..(mati la ni)</p> <p>Ayat 1: Cerita 405 Trus saya berfikir matai la saya bergelap in saturang.....sia tanya Kawan opis sia kalo pasang lilin buli kah?</p>
7.	Moginum	Minum arak	<p>Ayat 1: Cerita 3 Bilang c Jessica. Tu malam uncle Jerome berabis moginum talak..</p> <p>Ayat 2: Cerita 395 jadi dipindikn cerita time dorang pinda tu tengahari ngam2 pula time bulan 5 bulan moginum jadi cuti skola tu time,sy nmpk dr ruma sy dorg sibuk angkat2 kutak dlm pikiran sy mau p tulung atau xd ni, eshhh...</p>
8.	Nokoloboi	Terlambat bangun, bangun lewat	<p>Ayat 1: Cerita 147 Smpi bisuk pagi, sy nokoloboi(lewat bgun).. jm9 lbih sda sy tbgun. Tu pn sbb pintu sy brabis kna ketuk. Kuat btl..mcm mo tacabut ja tu pintu.</p> <p>Ayat 2: Cerita 395 sambil sy mnum tu milo yg mama sy bkin lpas tu sy p tdr. bsuk dy, sy nokoloboi mau jam10 sda sy bgun trus sy p cci muka trus sy p dapur.</p>
9.	Nokotigog	Terkejut	<p>Ayat 1: Cerita 159 “Hi doc..bilang lisa smbil dia snyum..tus kmi bsalaman.. Nokotigog juga la ginawo sy sikijap.....</p> <p>Ayat 2: Cerita 254 Doi punya sa nokotigog! Sa trus bangun bekulut sana dakat bantal sa.</p>
10.	Odu	Nenek	<p>Ayat 1: Cerita 3 Tngok pnya tngok dari celah pintu...ada 1 org tua duduk d sana. Baru sis sya mau kluar, teda sdah tu odu.. Kelam kabut sis sya tutup balik tu pintu..</p> <p>Ayat 2: Cerita 159 Sy d besarkan dlm kluarga kristian..tapi dorang mendiang aki sma odu sy (a.k.a moing dia bilang si osong) kunun dulu2 mmg kuat dorg pcy sma benda2 halus ni...</p>
11.	Olumis	Cantik	<p>Ayat 1: Cerita 287 Odoiiliiii iliiii...isailoooo..olumis temed!!!!..bpa c kili takajut..bila c istri kili menyapa bpa kili. Sawo ku pa..siou aukou nokoilo...narau arau yahai kuminawin..c kili pun c jls la sma bpa dia...</p> <p>Ayat 2: Cerita 402 Apa yg sa suka ni boss pmpuan ni cantik. Putih, pindik tapi mmg olumis gia d...Suda 1 bulan sa kerja situ. Mmg ni boss pun okay seja la.</p>
12.	Pisuk	Sudut, penjuru (selalunya rumah)	<p>Ayat 1: Cerita: 405 Macam takut pula saya pi atas takut2 dia duduk2 pula tunggu saya sana pisuk...</p> <p>Ayat 2: Cerita: 405 Sia palan2 tingu tu pisuk yang dalam mimpi saya tempat tu perempuan duduk...kur sumangat teda juga apa2 sia bilang, cepat2 gagar2 tangan sia buka tu blind kasi masuk sinar matahari.</p>
13.	Ponsikou	Terima kasih	<p>Ayat 1: Cerita: 159 “Ba balik lu kami..bilang Rey.. “Ok ponsikou ah! Pelan2 keta dorg reverse dari paking rmh kmi..</p> <p>Ayat 2: Cerita: 159 “Nah, ambil ni ubat bikin sapu tmpt yg sakit..sy bilang smbil sy tapuk2 kasi hulur d tgn Rey tu plastik itam..“Ponsikou ah..tapi nnt kmu hati2 ja la d rmh....bilang rey.</p>

bersambung ...

... sambungan

14.	Rogon	Hantu	<p>Ayat 1: Cerita 158 tp sy perna npk juga time d tpt nenek sy...nenek sy bgtau rogon itu dia bilang.</p> <p>Ayat 2: Cerita 405 mampus la ni sia bilang suda la mo bergelap diorang kasi menari2 lagi tu rogon2, kunun2 ikut cerita butul2 tu patung diorang ukir mo panggil tu roh2 jahat lepas tu suda kana rasuk tu patung Ukiran diaorang patut bakar,...</p>
15.	Siou	Maaf	<p>Ayat 1: Cerita 3 “Siou uncle..sya anggap uncle macam uncle sya sendiri..” Terus merah padam muka c uncle Jerome. Dia turun bawah trus dia keluar.</p> <p>Ayat 2: Cerita 162 “Siou tdi... bkn sy sngaja... sy bilang smbil putung bwang....</p>
16.	Sulap	Rumah, pondok (selalunya di kebun, bersaiz kecil)	<p>Ayat 1: Cerita 42 Bapa dan ibu dlm sulap sibuk mongogik.Ku lihat Ummi duduk termenung disebalik kandang ayam.</p> <p>Ayat 2: Cerita 287 takajut diorg bertiga sbb punya byk ular dtg d sulap c kili..</p>
17.	Tabasan	Sawah padi	<p>Ayat 1: Cerita 42 Padi sdh menguning dan sedia utk dituai.Memandangkan cuti pjg sklh kami skluarga tidur di tabasan.Jarak dr rumah ke tabasan kira2 7km jauhnya.</p> <p>Ayat 2: Cerita 254 Apa lagi ribut la mencari, semua kawasan tabasan tu dorang raun. Urang2 kampung yg bedakat2 mengusaha dorang punya sawah pun ikut mencari.</p>
18.	Tanak wagu	Pemuda	<p>Ayat 1: Cerita 392 Ada satu tanak wagu asal tawau time tu jajal btul tp sya nda kenal yg sma2 terkandas jg d airport kc crita la bukan2 sma kami yg ppuan (pun sya nda kenal dorang)...</p> <p>Ayat 2: Cerita 395 bapa sy suru tu tanak wagu ikut tu kt. kg p tu rumah sewa sbb tu yg mngacau d atas bumbung ruma anti rinai skrg, mcm mau kna lungkab(buka) tu zink dr atas sy rsa.</p>
19.	Tinahi	Usus perut	<p>Ayat 2: Cerita 388 Bila teringat sekarang, belilit tinaie sa mo ketawa..alahis poh jari tituduk dia mo marah tu pokok tapi tu wowou sana belakang dia songingkuru dakat rogison..</p> <p>Ayat 1: Cerita 405 yang hantu jahat buruk muka, ada yang macam nenek kebyan, ada yang taring dia penuh darah, ada yang makan urang, ada yang tinahi gantung, macam2 la jenis rogon....</p>
20.	Tombiruo	Hantu, roh	<p>Ayat 1: Cerita 158 Berkubaaaaa gia tu pintu!! Kam nekuro koh tie...kie tombiruo matu.. bilang mama sy.. Ai manada..sy p kencing bah. Tapi ada c gadi sana luar pungut lugus sy bilang..jadi sy kasi biar la..</p> <p>Ayat 2: Cerita 388 Tapi sa terus terang, sa nda berani pi becerita..kada koulau kio, tombiruoh baitu..</p>

Jadual 1 di atas memperlihatkan penggunaan kata-kata etnik dalam ayat-ayat DMS. Semua ayat yang digunakan dalam laman *Facebook* CSUKS adalah ayat DMS, yakni ia merupakan cara dan ragam yang digunakan oleh penutur-penutur DMS semasa berkomunikasi dan berinteraksi sama ada secara intra atau inter etnik. Kesemua 20 kata berkenaan

digunakan dalam konteks berbeza dan kesemua kata-kata itu menjadi penanda utama dalam ayat-ayat berkenaan. Dukungan budaya yang terkandung dalam kata-kata berkenaan memperlihatkan bahawa agak sukar untuk menggantikan kata etnik itu dengan kata piawai yang tersedia dalam kamus.

Lihat misalan dua contoh kata etnik ‘sulap’ dan ‘tabasan’ yang digunakan dalam komunikasi harian penutur-penutur DMS. Kata etnik ‘sulap’ dan ‘tabasan’ bermaksud pondok (sulap) dan kebun (tabasan). Jika dibandingkan definisi kamus untuk perkataan ‘pondok’ dan ‘kebun’, maka keduanya mendukung erti langsung. Namun, jika dilihat daripada aspek budaya, maka tersirat gagasan yang berbeza. Pemilihan kata yang mempunyai dukungan budaya itu bukan sekadar memantulkan jalinan perkataan dalam ayat, malah lebih daripada itu merupakan ungkapan idea dan keseluruhan konteks yang cuba disampaikan dalam satu-satu proses komunikasi. Pemilihan setiap itu juga merangkumi frasa, gaya bahasa serta struktur kata yang berkait dengan ungkapan-ungkapan khusus yang bersesuaian dengan konteksnya (Brooks & Waren 2002). Setiap kata yang dipilih itu mempunyai ciri dan nilai tersendiri dalam konteks ayat yang digunakan. Perbincangan memilih empat kata-kata, iaitu ‘sulap; tabasan; godoot dan moginum’ untuk di bincang lanjut. Lihat contoh ayat-ayat di bawah ini.

Cerita 42: Sulap

Bapa dan ibu dlm **sulap** sibuk mongogik. Ku lihat Ummi duduk termenung di sebalik kandang ayam.

Kata ‘sulap’ dalam ayat di atas bukan sekadar merujuk kepada erti pondok. Ia sebenarnya merujuk kepada satu binaan rumah kecil yang dibina ringkas daripada kayu atau buluh dengan berbumbungkan daun nipah. Di dalamnya boleh dibina dapur kecil, tempat menyimpan kayu api, tempat rehat atau boleh juga digunakan untuk bermalam. Biasanya binaan sedemikian dapat dilihat di kawasan sawah atau kebun yang jauh di atas bukit. Namun, kata ‘sulap’ juga mampu digunakan secara metafora, yakni untuk pernyataan merendahkan diri. Contohnya, seseorang yang mahu menggambarkan keadaan rumahnya yang sederhana atau mewah, maka dia akan memilih perkataan ‘sulap’ sebagai rujukan.

Cerita 42: Tabasan

Padi sdh menguning dan sedia utk dituai. Memandangkan cuti pjg sklh kami skluarga tidur di **tabasan**. Jarak dr rumah ke tabasan kira2 7km jauhnya.

Bagi kata ‘tabasan’ dalam ayat di atas pula merujuk kepada satu kawasan kebun sama ada kebun yang kecil atau besar. ‘Tabasan’ biasanya berada di kawasan berbukit dan perlu berjalan kaki dalam

jarak yang jauh untuk sampai ke lokasi sesebuah ‘tabasan’. Ayat di atas digambarkan kedudukan ‘tabasan’ itu sejauh tujuh kilometer bermaksud terdapat ‘sulap’ di ‘tabasan’ itu untuk memudahkan tuan tanah menginap beberapa hari di sana. Bermaksud terdapat keselesaan yang digambarkan dalam ayat berkenaan kerana kandungan konteks yang diberi itu menjelaskan adanya hasil tuaian yang bakal dibawa balik ke ‘sulap’ yang terletak dalam kawasan ‘tabasan’. Secara budaya tersirat elemen kekeluargaan kukuh melalui kata ‘tabasan’ kerana kawasan itu menyediakan ruang untuk melahirkan nilai-nilai baik seperti kerjasama, tolong-menolong, hubung erat kekeluargaan, dan sikap ambil peduli.

Dua contoh kata lain adalah ‘godoot’ dan ‘moginum’. Kata ‘godoot’ bermakna ‘kuat makan’ sementara kata ‘moginum’ bererti ‘minum khusus untuk arak’. Makna ‘kuat makan’ bagi kata ‘godoot’ itu bukan sekadar merujuk kepada individu yang makan dengan lahap, malah ia turut merepresentasikan sikap tamak, yakni makan tanpa menghiraukan orang lain, seorang yang bersikap suka makan. Justeru, bagi penutur DMS, individu yang memiliki sikap sedemikian akan digelar sebagai ‘godoot’. Pemilihan kata ‘godoot’ lebih mampu menggambarkan sifat dan sikap seseorang individu sebagaimana contoh ayat dalam cerita tiga di bawah.

Cerita 162: Godoot

Godoot juga kau Song bilang Christie, bru dia kluar dri tu dapur.

Selepas ditegur sebagai ‘godoot’, barulah Song keluar daripada dapur. Bermaksud Christie telah memerhatikan perilaku Song yang sangat suka makan menyebabkan dia ditegur. Dalam kalangan penutur DMS, apabila perkataan ‘godoot’ dipilih semasa berkomunikasi, maka individu itu sebenarnya telah menyebabkan orang lain di sekitarnya cuak sehingga kata itu dipilih semasa berkomunikasi. Hal itu secara tidak langsung telah memunculkan elemen negatif dalam komunikasi kerana terkandung nilai kurang elok dalam kata ‘godoot’. Seterusnya adalah kata ‘moginum’ dalam cerita tiga. Kata itu hanya mendukung rujukan khusus, iaitu minum yang hanya dikhususkan kepada minuman keras atau arak. Di Sabah, apabila seseorang diajak ‘moginum’ maka ajakan itu bertujuan minum sehingga mabuk. Tidak ada rujukan lain bagi perkataan berkenaan. Rujukan budaya bagi kata itu kekal dirujuk sebagai minum sehingga mabuk khususnya pada acara

atau peristiwa tertentu dalam masyarakat sama ada bersifat kegembiraan mahupun kesedihan. 'Moginum' biasanya diadakan semasa perkahwinan, kematian atau meraikan sesuatu peristiwa. Ia dapat digambarkan sebagaimana ayat dalam cerita tiga di bawah ini.

Cerita 3: Moginum

Bilang c Jesica. Tu malam uncle Jerome berabis **moginum** talak.

Kesemua 20 perkataan dalam Jadual 1 itu memberi gambaran tentang identiti penutur DMS yang memilih untuk menggunakan sesuatu kata itu dengan musabab budaya, sekali gus memaparkan nilai rasa yang wujud dalam kata yang digunakan. Seandainya kata yang dipilih itu menggunakan kata bahasa Melayu piawai, maka maksud serta nilai rasa yang terkandung dalam sesebuah komunikasi itu tidak akan mampu disampaikan dengan tepat kepada lawan bicara. Huraian itu seiring dengan pernyataan Hymes (1974: 433-452) yang menegaskan bahawa pendeskripsian sesuatu bahasa adalah tidak lengkap dengan hanya mengkaji ciri-ciri dan peraturan linguistik semata-mata tanpa melihat tanda-tanda sosiolinguistik.

PERBINCANGAN

20 leksikal, yakni Ginawo, Girigitan, Giuk, Godoot, Mandak (Sumandak), Matai, Moginum, Nokoloboi, Nokotigog, Odu, Olumis, Pisuk, Ponsikou, Rogon, Siou, Sulap, Tabasan, Tanak wagu, Tinahi, Tombiruo di atas memperlihatkan kata-kata etnik yang dimasukkan ke dalam perbualan memaparkan betapa dalamnya nilai budaya yang mewakili penutur-penutur dialek Melayu Sabah yang sukar dicari persamaan dalam kamus. Hal itu sejajar dengan pernyataan (Fishman 1991; Gumperz 1982) yang menjelaskan bahawa penelitian terhadap sesuatu bahasa memerlukan seseorang pengkaji itu mempunyai pemahaman terhadap semua aspek berkaitan dengan konteks pertuturan termasuklah budaya pendukungnya. Konteks yang sama terpapar dalam pernyataan Saidatul Nornis (2020) yang melihat keunikan dialek Melayu Sabah sebagai suatu yang berkaitan dengan budaya yang melingkari kehidupan penuturnya. Keunikan berkenaan secara tidak langsung membina ikatan sosial antara penutur dan akhirnya membentuk identiti sosial mereka yang tersendiri. Himpunan kata yang kecil jumlah itu mampu memaparkan akan kepelbagaian kumpulan etnik di Sabah yang memahami maksudnya. Situasi

itu bersesuaian dengan pendapat Bulcholtz & Hall (2010) yang menyatakan bahawa seseorang individu itu mencipta identiti melalui bahasa yang digunakan. Oleh itu, penggunaan leksikal berkenaan dalam kelompok besar pengikut di laman *Facebook* CSUKS memaparkan komunikasi lisan dalam ruang sosial berkenaan beridentitikan Sabah yang tidak mampu disembunyikan daripada penutur khalayak luas lisan di Malaysia. Sesungguhnya, kesemua 20 leksikal dalam perbincangan ini mampu mewakili penutur nilai dan emosi yang terkandung dalam budaya penutur dialek Melayu Sabah. Malah, kesemua leksikal berkenaan mampu memperkayakan perbendaharaan kata dalam kamus sekiranya ia benar-benar dapat dimanfaatkan oleh semua penutur bahasa di negara ini.

KESIMPULAN

Laman *Facebook* CSUKS merupakan salah satu laman yang memberi peluang kepada seluruh pengguna *Facebook* di Sabah khususnya untuk mengasah bakat penulisan. Dengan platform tersedia secara percuma, ditadbir oleh penutur DMS dan disyaratkan untuk menggunakan ragam bahasa Sabah, maka laman itu secara tidak langsung telah menyediakan suatu proses komunikasi dua hala yang menarik. Kepelbagaian masyarakat etnik di Sabah yang dijalin melalui DMS dengan masukkan kata-kata etnik sedemikian menjadikan laman *Facebook* CSUKS itu beragam sifatnya dan memiliki pengaruh besar kepada pengguna media sosial di Sabah khususnya. Kesempatan berkomunikasi secara dua hala sedemikian secara tidak langsung turut mampu memperlihatkan fungsi-fungsi komunikasi yang terpapar melalui laman berkenaan. Seyogia, laman-laman sedemikian sifatnya terdapat banyak dalam media sosial yang secara positif mampu mencerminkan kebudayaan sesebuah masyarakat dan penutur sesebuah bahasa. Keragaman yang perlu dirai dalam proses berkomunikasi kerana dengan kepelbagaian itu terjelma identiti serta kebudayaan yang luas milik penduduk Malaysia melalui pemilihan dan penggunaan kata-kata.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. 2007. *Linguistik Umum*. Cetakan Ketiga. Jakarta: Rineka Cipta.
- Brooks, Cleanth & Warren, R.P. 2002. *Modern Rhetoric*. New York: Harcourt, Brace and World.
- Bulcholtz, Mary & Hall, K. 2010. Locating Identity in Language. In. Dominic Watt and Carmen Llamas (eds.). *Language and Identities*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

- Campbell, Y.M. & Jiee, W.H. 2010. Language and identity: Will the real Bidayah please stand up? *The 14th International "Culture and Power" Conference: Identity and Identification*, 22-24 April, University of Castilla-La Mancha Facultad de Letras, Ciudad Real, Spain.
- Chong Shin. 2012. *Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Multilingual: Minoriti Tionghoa di Kota Sekadau, Pulau Borneo*. Jakarta: Penerbit ATMAJAYA.
- Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad & Sabariah Mohamed Salleh. 2018. Meme sebagai seloka persendaan dan parodi: Impak dimensi sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34(1): 75-96.
- Fishman, J.A. 1977. *Language and Ethnicity. Language, Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press.
- Fishman, J.A. 1972 [1997]. *The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society*. Rowley Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Fishman, J.A. 1991. *Sosiologi Bahasa*. Terj. Alias Mohammad Yatim. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Giles, H. & Johnson, P. 1981. *The Role of Language*, edited by John C. Turne & Howard Giles. Oxford: Blackwell.
- Gumperz, J.J. 1982. *Language and Social Identity*. New York: Cambridge University Press.
- Harimurti Kridalaksana. 2001. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Hymes, Dell. 1974. *Ways of Speaking*, edited by Bauman, R. & Sherzer, J. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ibrahim. 2019. Konteks budaya dalam komunikasi antara budaya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(2): 227-246.
- Jamilah Maliki & Mohd Nor Shahizan Ali. 2020. Pengaruh faktor pengetahuan terhadap konstruksi identiti dalam talian menerusi penggunaan Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36(3): 176-194.
- Jane Wong Kon Ling. 2000. *The Sabah Malay Dialect: Phonological Structures and Social Functions*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu & Bahasa.
- Idris Aman (sunt.). 2011. *Aksen Bahasa Kebangsaan: Realiti, Identiti dan Integrasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman & Rosniah Mustaffa. 2013. Profiles of Malaysian Malay standard accent and identity values. *PERTANIKA: Journal of Social Sciences & Humanities* 21(1): 179 - 202.
- Kartini Abd. Wahab. 2018. Ciri dan fungsi komunikatif bahasa Melayu Sabah dalam media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34(4): 58-74.
- Keller-Andree Tabouret. 1997. *Language and Identity*, edited by Florian Coulmas. USA: Wiley Blackwell.
- Mah, Bonnie. 2005. Ethnic identity and heritage language ability in second generation Canadians in Toronto. Tesis Sarjana, Ryerson University.
- Mashetoh Abd. Mutalib. 2018. Dialek sebagai identiti penutur dalam bahasa Melayu lisan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 3(16): 117-126.
- Maslida Yusof. 2018. Trend ganti nama diri bahasa Melayu dalam konteks media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34(2): 36-50.
- Mohammad Azlan Mis. 2010. Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GemaOnline: Journal of Language Studies* 10(2): 97-116.
- Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. 2016. Impak dialek Melayu Sabah ke atas bahasa ibunda generasi muda etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 4(2): 45-55.
- Noriah Mohamed & Omar Yusoff. 2010. Tinjauan identiti dan bahasa hibrid dalam kalangan Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia. *SARI: International Journal of the Malay World and Civilization* 28(2): 35-61.
- Norton, B. 2000. *Identity and Language Learning: Gender, Ethnicity and Educational Change*. Harlow: Pearson Education.
- Omoniyi, Tope & White, Goodith (eds.). 2008. *The Sociolinguistics of Identity*. London: Continuum.
- Pavlenko, A. & Blackledge, A., eds. 2004. *Negotiation of Identities in Multilingual Contexts*. Clevedon: Cambridge University Press.
- Rosniah Mustaffa, Idris Aman & Jamilah Mustafa. 2009. Social variation of non-Malays in Kota Bharu, Kelantan: A study on accent, identity and integration. *Proceedings of Language and Culture: Creating and Fostering Global Communities* (pp. 359-371). 7th International Conference, 5-6 May, UKM Bangi.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2020. Pengaruh dialek Melayu Brunei dalam dialek Melayu Sabah. *Jurnal Melayu* 19(1): 105-123.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. *Pesona Dialek Melayu Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saville-Troike, M. 1991. *Etnografi Komunikasi: Satu Pengenalan*. Terj. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Su-Hie Ting & Yann-Yann Puah. 2010. Young Hokkien speakers pride in their ethnic language and Mandarin. *Proceedings of International Conference on Minority and Majority: Language, Culture and Identity*, 24-26 November, Kuching, Malaysia.
- Syarizan Dalib, Minah Harun, Norhafezah Yusof & Mohd Khairie Ahmad. 2019. Exploring intercultural competence among students in Malaysian campuses. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(1): 1-16.
- Tajfel, H., ed. 1978. *The Achievement of Inter-group Differentiation*. London: Academic Press.
- Taylor, C. 1994. *The Politics of Recognition*, edited by Guttman, A. Princeton: Princeton University Press.
- Teo Kok Seong. 2003. *The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of the Culture, Language and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*. London: Asean Academic Press.
- Wan Robiah Meor Osman. 2004. Variasi sosial bahasa Melayu di Kuching: Satu pendekatan dialektologi sosial bandar. Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wodak, R., de Cillia, R., Reisigl, M. & Liebhart, K. 2009. *The Discursive Construction of National Identity*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Saidatul Nornis Hj. Mahali
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
University Malaysia Sabah
E-mel: saidatul@ums.edu.my

Alice Alim
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
E-mel: alice@ums.edu.my

Diserahkan: 12 Januari 2021
Diterima: 16 Ogos 2021